



PERKHIDMATAN UNTUK KANAK-KANAK KURANG UPAYA

Jabatan Pembangunan OKU
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga
dan Masyarakat

PUTRAJAYA, MALAYSIA

Ringkasan

- Pengenalan ringkas tentang JKM
- Senario Terkini OKU
- Kategori OKU
- Komitmen Antarabangsa
- Dasar dan Perundangan Kebangsaan
- Perkhidmatan JKM untuk OKU
- Permohonan, Pengesahan Pendaftaran
- Kemudahan dan Keistimewaan bagi Pemegang Kad OKU
- Kesimpulan

PENGENALAN

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) ditubuhkan pada 1946 dan telah mengalami beberapa perubahan berstruktur.
- Peranan dan fungsi JKMM termasuk perkhidmatan pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat, termasuk OKU.
- JKMM adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

DEFINISI KETIDAKUPAYAAN

Akta Orang Kurang Upaya 2008:

“ ‘Orang Kurang Upaya’ termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria jangka panjang yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.”

Senario Terkini OKU

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) menganggar bahawa 15% dari populasi sedunia mempunyai ketidakupayaan.
- Sistem Pengurusan Maklumat OKU (*SMOKU*) menunjukkan bahawa hanya 472,228 orang (1.5%) yang berdaftar sebagai OKU. Malaysia tidak mempunyai data yang menyeluruh atas ketidakupayaan secara keseluruhan.
- JKM – pihak utama untuk pembangunan dan kebajikan OKU

Kategori OKU

1. Kurang Upaya Pendengaran
2. Kurang Upaya Penglihatan
3. Kurang Upaya Fizikal
4. Kurang Upaya Pertuturan
5. Masalah Pembelajaran
6. Kurang Upaya Mental
7. Pelbagai (*Multiple Disabilities*)

PERJANJIAN ANTARABANGSA UNTUK OKU

1. *Proclamation on the Full Participation and Equality of PWDs in the Asia and Pacific Region (1994)*
2. *Biwako Millennium Framework for Action (BMF) serta Asian and Pacific Regions Decade for Disabled Persons (2003-2012)*

PERJANJIAN ANTARABANGSA UNTUK OKU

3. **Konvensyen Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas Hak-Hak Orang Kurang Upaya (United Nations Convention on the Rights of Persons with Disability - UNCRPD)**
 - Malaysia menandatangani pada 4th August 2008
 - Ratifikasi UNCRPD pada 16th Julai 2010 dan menjadi Negeri Kepentingan secara rasmi
 - Tujuan UNCRPD – Untuk **mempromosi, melindungi dan memastikan semua OKU menikmati sepenuhnya hak asasi manusia dan kebebasan secara sama rata serta menghormati maruah mereka. (Perkara 1)**

DASAR & PERUNDANGAN NEGARA UNTUK OKU

Perkembangan utama di Malaysia atas dasar untuk OKU

- Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (1990)
- OKU diberi perhatian istimewa
- Matlamat – Mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan stabil melalui:
 - Pewujudan semangat berdikari
 - Peningkatan Penyamaan Peluang
 - Memupuk semangat tolong-menolong
 - Menyokong amalan budaya penyayang

DASAR & PERUNDANGAN NEGARA UNTUK OKU

- Dasar Negara untuk OKU (2007)
- Pelan Tindakan Negara untuk OKU (2008 - 2013)
- Hak-hak OKU untuk penyertaan penuh dan peluang sama rata
- Memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara
- Menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya
- Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.



DASAR & PERUNDANGAN NEGARA UNTUK OKU

- Akta Orang Kurang Upaya 2008
- Berkuatkuasa pada 7 July 2008
- Pendaftaran, perlindungan, pemulihan, pembangunan dan kebajikan golongan OKU
- Menubuhkan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya
- Menyediakan kemudahan pengangkutan awam, kemudahan awam dan perkhidmatan yang mesra OKU
- Peluang sama rata untuk perkhidmatan kesihatan, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi, habilitasi dan rehabilitasi
- Meningkatkan peluang pekerjaan serta sukan, rekreasi dan budaya.

DASAR & PERUNDANGAN NEGARA UNTUK OKU

- **Dasar atas Peluang Pekerjaan untuk OKU di Sektor Awam**
- Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 / 2008: Melaksanakan Dasar 1% atas Peluang Pekerjaan untuk OKU di Sektor Awam”
- Prosedur, tanggungjawab agensi yang berkaitan serta mekanism pemantauan
- JKM diamanahkan untuk kordinasi dan memantau pelaksanaan dasar tersebut
 - Pendaftaran pencari kerja yang kekurangan upaya
 - Job Matching
 - Penyesuaian persekitaran tempat kerja
 - Perkhidmatan Job Coach
 - Dialog berkala untuk mengambil tahu tentang isu dan masalah

PERUNTUKAN PERKHIDMATAN JKM KEPADA OKU

□ Pendaftaran OKU

Kategori OKU	Bilangan Pendaftaran	%
Kurang Upaya Penglihatan	42,184	8.9
Kurang Upaya Pendengaran	35,273	7.5
Kurang Upaya Fizikal	167,077	35.4
Masalah Pembelajaran	163,904	34.7
Kurang Upaya Pertuturan	2,461	0.5
Kurang Upaya Mental	39,229	8.3
Pelbagai (<i>Multiple Disabilities</i>)	22,100	4.7
Jumlah	472,228	100.0

Kad Pengenalan Istimewa untuk golongan OKU (Kad OKU)
diberikan untuk memudahkan
akses perkhidmatan dan kemudahan awam.



PENDAFTARAN GOLONGAN OKU

- Pendaftaran golongan OKU dibuat secara sukarela di seluruh negara.
- JKM dan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dua agensi yang terlibat dalam pendaftaran golongan OKU.
- Permohonan harus dilakukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)

TUJUAN PENDAFTARAN

- Untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU di negara ini demi tujuan merancang program berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi, latihan serta perkhidmatan.

PENUKARAN KAD OKU

Penukaran Kad OKU boleh dilakukan di mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk sebab-sebab tersebut:

- i. Kad OKU hilang**
- ii. Kad OKU Rosak**
- iii. Mencapai umur 18 tahun**
- iv. Perubahan kategori ketidakupayaan**
- v. Penggunaan Sistem Maklumat OKU (SMOKU) yang baru**

Kemudahan dan Keistimewaan untuk Pemegang Kad OKU





Kemudahan dan Keistimewaan untuk Pemegang Kad OKU



- Alat Tiruan Dan Alatan Sokongan
- Geran Pelancaran
- Insentif untuk OKU yang bekerja (EPC)
- Kemudahan Pendidikan Khas
- Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)



Kemudahan dan Keistimewaan untuk Pemegang Kad OKU



- Pelepasan Cukai Pendapatan
- Pengecualian Cukai Jalan
- Kemudahan pengangkutan awam
- Kemudahan perumahan
- Pengecualian bayaran rawatan perubatan (hospital kerajaan)
- Pengecualian bayaran atas dokumen perjalanan (100%)




Kemudahan dan Keistimewaan untuk Pemegang Kad OKU

- Peluang Pekerjaan / Kemudahan awam
(dasar 1% di sektor kerajaan, bengkel terlindung dll)
- Pengecualian Duti Eksais atas Kenderaan OKU
- Anggota perkhidmatan awam yang mempunyai anak-anak kurang upaya dibenarkan bekerja mengikut 'flexi-hours'
- Telekom Malaysia – Diskaun Istimewa
- Bantuan Am
- Perkhidmatan Kaunseling



PERKHIDMATAN JKM UNTUK OKU

- **Bantuan Kewangan** untuk memastikan golongan OKU mendapat manfaat serta melibatkan diri dalam masyarakat umum.
- Insentif untuk OKU yang bekerja – Elaun RM400.00 sebulan untuk OKU yang berpendapatan bulanan di bawah RM1,200 sebulan
- Bantuan RM350.00 sebulan kepada penjaga kepada orang dengan ketidakupayaan kronik yang memerlukan penjagaan sepenuh masa.
- Bantuan untuk membeli alat sokongan dan tiruan
- Geran pelancaran untuk membantu OKU memulakan perniagaan kecil dan menyokong mereka berdikari. Geran maksimum ialah RM2,700.00
- Penggajian Terlindung untuk OKU yang tidak berdaya saing untuk mendapat pekerjaan di pasaran terbuka.



Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)



- ❑ PDK ialah strategi pembangunan komuniti untuk **pemulihan, peluang sama rata dan integrasi sosial** kepada golongan OKU.
- ❑ PDK dilaksanakan melalui usaha bersama daripada **orang kurang upaya sendiri, keluarga dan komuniti mereka**, serta **perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional, dan perkhidmatan sosial** yang sesuai.
- ❑ Setakat ini, sebanyak **551 Pusat PDK** beroperasi dan mempunyai **21,000 OKU** termasuk kanak-kanak kurang upaya.

Objektif PDK

- Untuk memastikan golongan OKU mencapai **keupayaan fizikal dan mental yang sepenuhnya, mempunyai akses kepada perkhidmatan biasa dan peluang serta mencapai integrasi sosial yang penuh dalam komuniti dan masyarakat mereka.**

TASKA OKU

Pusat Asuhan untuk Kanak-Kanak OKU

2013 pengumuman bajet

- Kerajaan setuju untuk melaksanakan pusat jagaan kanak-kanak untuk kanak-kanak OKU bagi 6 kategori (Sindrom Down, Autisme, buta, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran) sebagai *pilot project*.
- Memberi peluang kepada Kanak-kanak OKU untuk mendapat asuhan dan pendidikan awal yang berkualiti serta meringankan beban keluarga berpendapatan rendah.

TASKA OKU

	TASKA OKU & Lokasi	Kategori
1.	TASKA ANISD, Putrajaya	Sindrom Down
2.	TASKA SEMANGAT MAJU IPOH, Ipoh, Perak	Masalah Pembelajaran
3.	TASKA ISTIKA JAYA, Puchong, Selangor	Kurang Upaya Pendengaran
4.	TASKA AUTISM, Sibu, Sarawak	Autisme
5.	TASKA MESRA CHESHIRE, Likas, Sabah	Kurang Upaya Fizikal
6.	TASKA ST NICHOLAS, Pulau Pinang	Kurang Upaya Penglihatan

ASUHAN KANAK-KANAK SECARA INKLUSIF

Inklusif membawa maksud amalan yang menempatkan kanak-kanak kurang upaya dalam persekitaran sama dengan kanak-kanak biasa yang sebaya, digunakan strategi pengajaran khas dan sokongan apabila perlu.

Source: <http://articles.extension.org/pages/61602/what-is-inclusive-child-care>

MANFAAT ASUHAN INKLUSIF

Kanak-kanak berkeperluan khas / kurang upaya

- Peluang belajar dengan memerhati dan berinteraksi dengan kanak-kanak sebaya.
- Masa dan sokongan untuk membina hubungan dengan kanak-kanak lain.
- Peluang untuk melatih kemahiran sosial dalam situasi kehidupan sebenar.
- Pendedahan kepada pelbagai aktiviti yang mencabar.
- Peluang untuk belajar mengikuti rentak mereka dalam persekitaran yang menyokong.
- Peluang untuk membina hubungan dengan orang dewasa yang penyayang selain daripada ibu bapa mereka.

MANFAAT ASUHAN INKLUSIF

Kanak-kanak biasa

- Lebih menghargai dan sedia menerima kelainan individu.
- Meningkatnya rasa empati untuk orang lain.
- Menyediakan mereka untuk kehidupan yang inklusif.
- Peluang untuk menguasai aktiviti dengan berlatih dan mengajar orang lain.

Hasil Dapatan Kajian menunjukkan:

Kajian selama 30 tahun yang lepas membuktikan bahawa inklusif memanfaatkan kedua-dua kanak-kanak biasa dan kanak-kanak kurang upaya. Anggapan biasa tentang inklusif menyatakan bahawa perhatian yang diberikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas akan menjejaskan pengalaman rakan sebaya, padahal kajian **menunjukkan bahawa kanak-kanak biasa mencapai perkembangan yang setara sama ada di tadika biasa atau inklusif.** (Odom, DeKlyen, & Jenkins, 1984, Strain &

Penyertaan yang aktif di dalam kelas ialah **petunjuk yang ketara atas pembelajaran serta penyertaan aktif oleh kanak-kanak biasa dalam persekitaran inklusif** (Brown et al., 1999).

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

PERKHIDMATAN

1. Pendaftaran OKU
2. Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP)
3. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
4. Group Home
5. Institusi Kebajikan (Taman Sinar Harapan/Bengkel Terlindung/Pusat Harian)
6. Disability Equality Training (DET)
7. Job Coach
8. Kehidupan Berdikari (Independent Living)

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

9. 'One Stop Centre' OKU
10. Kaunseling
11. Elaun Bekerja OKU
12. Geran Pelancaran
13. Alat bantuan tiruan/ Alatan sokongan
14. Bantuan Kewangan OKU



KERJASAMA STRATEGIK DENGAN NGO

- NGO melengkapi dan menambah kepada usaha-usaha kerajaan dalam memberi pelbagai perkhidmatan demi kebaikan golongan OKU.
- JKM memberi sokongan dalam bentuk geran tahunan kepada NGO yang memberi perkhidmatan kepada golongan OKU untuk meringankan beban perbelanjaan.
- NGO mengambil bahagian dalam pembentukan dasar dan program yang berkaitan dengan OKU

KESIMPULAN

- Meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia atas isu-isu yang dialami golongan OKU – berdasarkan pelbagai perjanjian antarabangsa, seperti *Proclamation on the Full Participation and Equality of PWDs* dan Konvensyen atas Hak-hak OKU
- Dasar Negara untuk OKU, Pelan Tindakan untuk OKU dan Akta OKU – meningkatkan kualiti hidup OKU dan memastikan mereka menyumbang, menikmati dan mendapat manfaat daripada pembangunan negara.

KESIMPULAN

- JKM akan terus bekerjasama secara rapat dengan agensi kerajaan dan NGO untuk memastikan kehidupan yang berdikari dan bermakna untuk OKU sebagai anggota masyarakat yang dihormati

Ketidakupayaan hanyalah persepsi. Jika anda dapat melakukan sesuatu dengan baik, anda akan diperlukan oleh seseorang.



